

APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 14/2024

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin

Nadiah Yahyauddin

IN THIS ISSUE:

- * Fun With Language
- * Written Articles
- * APB Rembau Activities
(March to October 2024)

Pertandingan “3-Minute Idea Pitching”

Ditulis oleh: ChM Dr Norliza Dzakaria, Dr Siti Hajar Alias dan ChM Dr Siti Syaida Sirat

Pertandingan ‘3-Minute Idea Pitching’ telah diadakan pada 27 Ogos 2024 bertempat di Dewan FMIPA, Universitas Negeri Malang, Indonesia. Pertandingan ini adalah salah satu aktiviti yang dijalankan di dalam program ‘Global Outreach Programme 7.0 (UiTM-UM)’ yang telah diadakan bermula dari 26 – 30 Ogos 2024. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah dan Universitas Negeri Malang, Indonesia.



Gambar 1. Poster hebahan

“Transforming Daily Life Efficiency: The Revolutionary Impact of Artificial Intelligence” adalah tema untuk pertandingan ini. Tema ini telah dipilih kerana kecerdasan buatan atau artificial intelligence telah berkembang dengan pesat pada masa kini dan memberi kesan

yang besar dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Oleh itu, pelajar diminta untuk menyampaikan pembentangan yang berimpak dan ringkas yang mengetengahkan potensi transformatif AI merentasi pelbagai domain seperti meningkatkan perkembangan peribadi, pengurusan organisasi, dan pemerkasaan komuniti. Objektif pertandingan ini adalah seperti berikut:

1. **Meningkatkan Kesedaran dan Pemahaman:** Memberi pendedahan kepada pelajar tentang konsep dan aplikasi terkini kecerdasan buatan (AI) dalam pelbagai bidang.

2. **Menggalakkan Inovasi dan Kreativiti:** Memupuk kreativiti pelajar dengan menggalakkan mereka mencetuskan idea baru yang menggunakan teknologi AI untuk menyelesaikan masalah dunia nyata.

3. **Mengembangkan Kemahiran Komunikasi:** Melatih pelajar untuk menyampaikan idea mereka secara ringkas, jelas, dan meyakinkan dalam masa yang singkat.

4. **Membangunkan Kemahiran Penyelesaian Masalah:** Mendorong pelajar untuk berfikir secara kritikal tentang cabaran yang boleh ditangani dengan AI dan mencari penyelesaian inovatif.

5. **Mempromosikan Kerjasama Antara Bidang:** Menggalakkan pertukaran idea antara pelajar dari pelbagai disiplin

ilmu untuk mempelbagaikan pandangan dalam penggunaan AI.

6. **Menyediakan Platform untuk Potensi Industri:** Menyediakan peluang kepada pelajar untuk mengetengahkan idea mereka kepada industri dan profesional AI yang berpotensi untuk kolaborasi atau sokongan.

Pertandingan telah disertai seramai 5 orang pelajar dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah dan 5 orang pelajar dari Jabatan Kimia, Universitas Negeri Malang, Indonesia. Pelajar diminta untuk membentangkan idea mereka mengikut tema yang diberikan tidak lebih dari 3 minit mengikut garis panduan yang diberikan. Pertandingan ini dijurikan oleh 2 orang pensyarah daripada Universitas Negeri Malang dan 2 orang dari Universiti Teknologi Mara.

Kesimpulannya, pertandingan “3-minute idea pitching” yang dianjurkan di Universitas Negeri Malang, Indonesia ini merupakan satu platform yang baik untuk meneroka potensi aplikasi kecerdasan buatan bagi menyelesaikan pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian serta dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan kemahiran komunikasi, dan menyampaikan idea-idea yang kreatif dan inovatif.



Gambar 2. Peserta dari Universitas Negeri Malang, Indonesia



Gambar 3. Pemenang bergambar bersama juri